

25 JUN 1999
KUB-LABUR
KUB TINJAU PELABURAN DALAM IT

PETALING JAYA, 25 Jun (Bernama) -- KUB Malaysia Bhd sedang meninjau peluang menggunakan hasil perolehan 30 peratus kepentingannya di dalam Sime Bank Bhd untuk melabur dalam bidang berkaitan teknologi maklumat (IT), kata pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya, Datuk Hassan Harun.

Pelaburan itu perlulah sejajar dengan pembangunan terus perniagaannya seperti bidang perladangan, hartanah, pembinaan dan pendidikan, katanya di persidangan media bagi mengumumkan Sidang Kemuncak Perniagaan 1999 Panel Penasihat Antarbangsa (IAP)-MSC di sini hari ini.

Beliau berkata Koridor Raya Multimedia (MSC) akan melahirkan banyak kemajuan teknologi yang akan mengubah cara syarikat-syarikat beroperasi serta menjalankan perniagaan.

Dalam hal ini, KUB perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran teknologi baru dan melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran-cabaran hasil daripada pembangunan pesat dalam bidang IT, tambahnya.

Bagaimanapun, beliau tidak pula memberi butiran mengenai pelaburan terbabit tetapi menyatakan adalah terlalu awal untuk membuat keputusan dan tiada rancangan segera dibuat setakat ini.

Namun demikian, beliau memberi jaminan kepada pelabur-pelabur KUB bahawa hasil daripada pelupusan ekuiti itu akan diuruskan dengan bijak.

KUB Malaysia melupuskan 30 peratus ekuiti, berjumlah 99.285 juta saham di dalam Sime Bank kepada RHB Capital Bhd dan memperolehi RM461.5 juta tunai serta RM208 juta saham RHB Capital Bhd pada harga RM2.10 setiap satu pada 3 Jun, 1999. KUB juga telah menjual saham RHB Capital dan beroleh keuntungan.

Hasil perolehan tersebut membolehkan KUB Malaysia melangsaikan pinjaman banknya berjumlah RM363 juta, dan kini tinggal baki RM500 juta tunai, katanya sambil menambah bahawa ia merupakan pelaburan yang amat baik akhirnya.

Bergerak ke arah menjadi kumpulan berorientasikan IT, Hassan berkata salah satu daripada anak syarikat KUB, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), kini bergiat cergas dalam membangunkan program universiti maya.

Beliau menjangkakan UNITAR akan mempunyai 4,000 pelajar menjelang tahun 2000 berbanding 900 setakat ini. Dalam tempoh lima tahun akan datang, UNITAR merancang untuk mempunyai empat pusat kajian serantau dan 11 pusat satelit, yang mampu mengendalikan 40,000 pelajar di serata negara.

Pusat kajian pertamanya terletak di Kelana Jaya, Selangor dengan keupayaan menampung 4,500 pelajar.

UNITAR adalah universiti maya yang pertama di negara ini yang membolehkan program pembelajaran jarak jauh dikendalikan berdasarkan pada kaedah pendidikan yang dilaksanakan secara komputer menerusi internet.

Sebelum persidangan akhbar, Hassan juga mengumumkan Sidang Kemuncak 1999 MSC-IAP yang akan diadakan sempena mesyuarat panel MSC-IAP di Palace of Golden Horses pada 10 Julai.

Acara sehari itu dianjurkan bersama oleh Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Asian Strategy and Leadership Institute (ASLI) dan UNITAR.

Antara orang-orang kenamaan yang dijemput memberi ceramah ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie dan presiden ASLI Mirzan Mahathir.

Acara itu bertujuan memberi maklumat terkini kepada masyarakat

perniagaan mengenai pencapaian MSC dan kemajuan ketika mengharungi krisis ekonomi.

Ia juga akan memberi butiran terperinci mengenai pertembungan pendidikan dan teknologi maklumat, dagangan elektronik dan pemasaran tanpa sempadan, isu-isu sekitar pembangunan e-masyarakat.

-- BERNAMA

MFZ MA